

BAHAN KECEMERLANGAN

SPM 2015

BK 1

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

Nama:.....

Kelas:.....

DIBIAYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Februari

2 ½ jam

Masa : Dua jam tiga puluh minit

Arahan :

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2 (c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

Soalan 1: Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan-kesan kemurungan dan punca-punca berlakunya kemurungan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kemurungan boleh ditakrifkan sebagai gejala atau tanda kesedihan yang melebihi kesedihan biasa dalam tempoh yang lebih lama. Menurut kajian kesihatan, kemurungan menyumbang 11.8% daripada masalah psikologi yang dihadapi oleh rakyat Malaysia. Kemurungan boleh dialami oleh sesiapa sahaja tanpa mengira usia atau latar belakang kehidupan.

Kemurungan boleh menyebabkan perubahan tingkah laku yang dapat dilihat dengan jelas pada diri seseorang. Lebih buruk lagi, kemurungan boleh mencacatkan fungsi fizikal dan pemikiran seseorang. Sesiapa yang mengalami kemurungan akan menunjukkan sikap yang berlawanan daripada normal, iaitu perasaan dan perlakunya berada dalam lingkungan negatif seperti sering bercakap seorang diri. Lazimnya, pesakit yang mengalami masalah kemurungan juga akan mengalami gangguan tidur yang menyebabkan mereka berasa letih pada keesokan harinya. Akibat keletihan, tubuh badan kelihatan tidak bermaya dan tugas sehari-hari menjadi tidak sempurna.

Pada kebiasaannya orang yang mengalami kemurungan tidak lagi berminat untuk melakukan aktiviti yang menjadi kegemaran mereka. Contohnya, aktiviti seperti beriadah atau bersukan tidak lagi dilakukan setelah dilanda kemurungan. Selain itu, kemurungan juga boleh menyebabkan seseorang itu bertindak mengasingkan diri daripada rakan dan masyarakat. Akibat lain yang menimpa pesakit murung ini ialah mereka mudah berasa rendah diri. Hal ini demikian kerana pelbagai perasaan timbul mengenai kekurangan diri mereka berbanding dengan orang lain. Dalam keadaan sebegini, mereka tidak mahu memberikan idea kerana bimbang idea mereka tidak diterima. Biasanya, penghidap kemurungan ini juga akan mudah berkecil hati dengan kata-kata orang lain terutama yang menyentuh diri atau kerja yang dilakukan oleh mereka.

Sebenarnya, pesakit yang telah disahkan mengalami kemurungan boleh dirawat dengan menggunakan ubat-ubat tertentu yang bertindak merawat sistem saraf pesakit tersebut. Pesakit juga boleh berjumpa dengan doktor untuk mengatasi masalah kemurungan di samping berbincang dengan pakar psikologi. Rawatan lain bagi pesakit murung adalah dengan cara psikoterapi. Melalui rawatan psikoterapi, pesakit diberikan peluang untuk meluahkan masalah mereka dan doktor memberikan cadangan tentang cara untuk menanganinya. Namun, jarang-jarang sekali pesakit yang mengalami kemurungan berjumpa dengan doktor bagi mendapatkan pandangan mengenai penyakit mereka dan seterusnya mendapatkan rawatan. Dalam hal ini, seharusnya orang lain seperti ahli keluarga atau anggota masyarakat berusaha untuk membantu pesakit murung ini mendapatkan rawatan. Ingatlah, kemurungan yang tidak terkawal boleh mengundang bahaya kepada orang lain kerana sikap marah pesakit murung akan bertambah-tambah apabila terdapat sebarang kesilapan kecil yang dilakukan terhadapnya. Sesungguhnya, setiap masalah ada penyelesaiannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Murung Bawa Kesan Negatif kepada Individu'
oleh Ishak Ismail, *Pendidik*, April 2010

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mendapatkan pandangan*.
[2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa kaedah yang sesuai untuk merawat seseorang yang mengalami masalah kemurungan.
Nyatakan kaedah-kaedah tersebut.
[3 markah]
- (iii) Seorang rakan anda mempunyai tanda-tanda kemurungan. Selain membawanya untuk mendapatkan rawatan, apakah usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk membantu rakan anda itu?
Jelaskan dua usaha.
[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Semua askar Punjabi mati. Kubu Kuala Pak Amat jatuh. Juga di Dasar dan Sabak. Jepun berada di mana-mana.”

Suara Pak Husain sangat lemah. Dia sudah dimandikan oleh Mak Bidah. Darahnya sudah dicuci. Tetapi semangat Pak Husain sudah hilang. Dia menjadi takut-takut. Dia selalu meracau dan menyebut apa-apa sahaja yang dilihatnya sebagai tentera Jepun. Dia melihat mayat di mana-mana, walaupun kami tidak melihatnya. Kwong yang menyerobot ke dalam perasaan Pak Husain sangat membimbangkan kami. Beberapa malam berikutnya ayahku tidak tidur-tidur kerana menjaga Pak Husain. Dia mesti dijaga. Dia yang bertanggungjawab dalam usaha menyelamatkan kami. Aku dapat bayangkan apa yang akan berlaku ke atas kami sekaliannya yang di pangkalan kalau tentera-tentera Jepun itu sempat turun. Bukankah keberanian dan sikap Pak Husain membohongi tentera Jepun itu telah menyelamatkan kami? Alangkah besar jasanya. Alangkah!

Kisah Pak Husain dipaksa supaya menguburkan mayat sehari suntuk telah berkembang dari mulut ke mulut. Kisah itu mengapung terus dari Kampung Dal ke kampung-kampung yang lain. Berkembang di Tebing Tinggi, di Dasar, di Kemuning, di Pancur, di Pulau Tukang Dollah dan di Teluk Kitam. Cerita itu tidak dirasakan baktinya selain kami penghuni asli Kampung Pak Amat.

Dipetik daripada ‘Pahlawan Buntung’
Oleh S. Othman Kelantan
dalam Antologi *Digarhayu Bahasaku*
Dewan bahasa dan Pustaka.

- (i) Apakah kesan yang dialami oleh Pak Husain setelah dipaksa menguburkan mayat-mayat?
[2 markah]
- (ii) Setiap warganegara Malaysia mesti menghargai jasa pejuang negara yang banyak berkorban untuk memperoleh kemerdekaan negara.
Pada pendapat anda, jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk membalas jasa pejuang kemerdekaan negara.
[3 markah]
- (iii) Huraikan satu nilai murni berdasarkan petikan cerpen di atas, dan satu nilai murni yang terdapat dalam keseluruhan cerpen.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah itu diberinya pula Awang Sulung sebilah parang, disuruhnya mencari kayu. Orang mengambil kayu bakau dan temu laut, tetapi Awang Sulung mengambil batang nipah.

“Apa gunanya menyimpan budak hitam ini? Disuruh mengambil air diambilnya air masin, disuruh mengambil kayu diambilnya batang nipah...” bebel jurumudi itu di depan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa.

Waktu diadakan kenduri, jurumudi menyuruh Si Kembang Cina memberi sisa-sisa nasi di dalam tempurung berbulu untuk Awang Sulung. Sedang Si Kembang Cina membuat kerja itu terpandanglah oleh Tuan Puteri Dayang Seri Jawa lalu dimarahinya, “Mengapa kau buat begini, hai perempuan celaka? Bapa engkau atau laki engkaukah si jurumudi berdebab itu?”

Kemudian disuruhnya Si Kembang Cina menyediakan hidangan istimewa untuk Awang Sulung dengan talamnya beralaskan kain kuning.

“Sudah itu bawa buyung suasa yang berisi air masin itu ke mari,” perintahnya lagi.

Tuan Puteri Dayang Seri Jawa merasa air masin di dalam buyung itu sudah bertukar menjadi manis bagai serbat, lalu disuruhnya pula Si Kembang Cina merasanya. Si Kembang Cina merasa takjub. Bagaimanakah air masin buleh bertukar menjadi serbat?

“Lain kali ingat sedikit perbuatanmu itu!” kata Tuan Puteri Dayang Seri Jawa sambil *menunjal muka* Si Kembang Cina.

Dipetik daripada ‘Pelayaran yang Penuh Peristiwa’
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menunjal muka*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan-tindakan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa apabila melihat Si Kembang Cina mengerjakan suruhan jurumudi? [3 markah]
- (iii) Awang Sulung mempunyai pelbagai kesaktian berbanding orang biasa dan anak-anak raja lain.
Pada pendapat anda, mengapakah seseorang raja perlu mempunyai kesaktian atau kehebatan tersebut? [3 markah]

2(d) Puisi Tradisional

Baca pantun lapan kerat di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pantun Lapan Kerat

Buat bangsal di tengah hutan,
Tebaslah hutan buat halaman,
Di tepi halaman mananam kubis,
Diselang dengan pokok papaya;
Biarlah sabar dengan perlahan,
Itulah tanda tuan beriman,
Tidak patah digoncang iblis,
Akhirnya tuan menang berjaya.

Ikan teluk parang-parang,
Anak ketam disangka lelabi,
Berburu musim tengkujuh,
Dapat buruan dibelah-belah;
Bukan makhluk sebarang-barang,
Cucu Adam sepaian nabi,
Turun dari langit ketujuh,
Jadi khalifah kepada Allah.

Lengkang-lengkung apa dipaku,
Paku jatuh patah dua,
Menjadi riuh orang di darat,
Anak Cik Itam jatuh jalar;
Bumi kandungan nenek moyangku,
Kerana lalai rosak binasa,
Kebudayaan Timur dinodai Barat,
Bahasa ibunda hina terbiar.

*Puisi Melayu Tradisional : Nasihat dan Pengajaran, 2004
dalam antologi Digarhayu Bahasaku
Dewan Bahasa dan Pustaka.*

- (i) Berikan maksud *akhirnya tuan menang berjaya*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang wajar anda lakukan untuk mengekalkan kebudayaan masyarakat kita? Kemukakan pandangan anda. [3 markah]
- (iii) Huraikan dua persoalan yang terdapat dalam puisi tersebut. [4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan-perkataan itu sebagai peribahasa.*

- (i) dedikasi
- (ii) delegasi
- (iii) demokrasi
- (iv) demonstrasi
- (v) deklamasi
- (vi) definisi

[6 markah]

(b) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti. Kenal pasti ayat-ayat itu dan klasifikasikan jenisnya sama ada ayat tanya, ayat seruan, ayat larangan, ayat penyata atau ayat suruhan.*

- (i) Rantau Abang merupakan salah satu tempat pelancongan terkenal di Terengganu.
- (ii) Lawatan sambil belajar ke Universiti Malaya akan diadakan bila?
- (iii) Rosli dan Rani menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur.
- (iv) “Jangan anda membuat bising kerana peperiksaan sedang berlangsung,” kata Cikgu Salina kepada murid-murid tersebut.
- (v) “Saya mahu anda semua menghantar buku latihan Bahasa Melayu sebelum balik,” kata Cikgu Nora.
- (vi) “Amboi, lama benar awak bercuti kali ini di Indonesia!” Kata Harun kepada Kamsah.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sesi persekolahan dilanjutkan tempuhnya akibat banjir yang terlanda Pantai Timur baru-baru ini.
- (ii) Kaunter pengaduan awam dibuktikan ketelusan sesebuah organisasi dalam perkhidmatan mereka.
- (iii) Semua pihak perlu bekerjasama dan menggembeleng tenaga untuk kebersihan persisiran pantai di negara kita.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Langkah untuk memperindahkan bilik guru itu ialah insentif daripada semua ahli kelab guru.
- (ii) Pemecatan nama Encik Mohamad dalam senarai calon kenaikan pangkat menimbulkan tanda tanya di kalangan rakan sejawatnya.
- (iii) Setiap sekolah-sekolah diminta mengadakan persidangan mengenai banjir bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh disalurkan.

[6 markah]

(e) *Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat tersebut.*

- (i) Siti Hajar seorang murid yang mudah menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja yang dalam kesusahan.
- (ii) Pengantin itu bersanding di pelamin, ramai tetamu yang hadir mengatakan bahawa mereka sama cantik sama padan.
- (iii) Puan Rozieta menasihati anaknya agar sentiasa melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (ii) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Husain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

(b) Tindakan yang diambil oleh watak utama dalam sesebuah novel banyak mempengaruhi jalan ceritanya.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua tindakan watak utama yang anda tidak bersetuju dengannya.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

**BAHAN KECEMERLANGAN
SPM 2015**

**Skema
BK 1**

BAHASA MELAYU

DIBIAYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 2 [1103/2]**

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
 - (b) Bahasa - 10 markah
- (a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira, sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran.

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
	Jumlah Markah									20

SULIT

2

1103/2

Soalan I: Rumusan

Pendahuluan [2 markah]	Markah
Petikan membincangkan akibat/impak/natijah/implikasi kemurungan kepada seseorang individu/insan.	2
Petikan membincangkan akibat/impak/natijah/implikasi kemurungan dan kaedah-kaedah yang sesuai untuk merawat seseorang yang mengalami masalah kemurungan.	2
Rumusan ini membincangkan akibat/impak/natijah/implikasi kemurungan dan punca-punca berlakunya kemurungan.	2
Petikan membincangkan akibat/impak/natijah/implikasi kemurungan.	1

Isi Tersurat [4 hingga 1 markah]

S1 menyebabkan perubahan tingkah laku (yang dapat dilihat dengan jelas)	2
S2 mencacatkan fungsi fizikal dan pemikiran seseorang	2
S3 menunjukkan sikap yang berlawanan daripada normal	2
S4 mengalami gangguan tidur	2
S5 tidak lagi berminat untuk melakukan aktiviti yang menjadi kegemaran mereka	2
S6 mengasingkan diri daripada rakan dan masyarakat	2
S7 berasa rendah diri	2
S8 mudah berkecil hati dengan kata-kata orang lain	2
S9 mengundang bahaya kepada orang lain	2

Isi Tersirat [4 hingga 1 markah]

T1 masalah kewangan	2
T2 masalah keluarga	2
T3 masalah kesihatan	2
T4 masalah sosial (contoh : percintaan, ejeken/ penghinaan, pergaulan)	2
T5 masalah pekerjaan	2
T6 masalah pelajaran	2
T7 kecacatan anggota fizikal	2
T8 mangsa jenayah / buli / penderaan	2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**Penutup [2 markah]**

Kesimpulannya, setiap individu hendaklah mengelakkan diri daripada kemurungan supaya dapat menikmati kescjahteraan hidup.

Kesimpulannya, setiap individu hendaklah mengelakkan diri daripada kemurungan.

SULIT**3****1103/2****(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah **1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak **1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada **120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada **120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh **35 markah** dibahagikan kepada:

- | | |
|--------------|------------|
| Soalan 2(a) | : 9 markah |
| Soalan 2(b) | : 9 markah |
| Soalan 2(c) | : 8 markah |
| Soalan 2 (d) | : 9 markah |

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
– Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
– Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
– Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
– Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
– Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

	Markah
(i) Maksud rangkai kata	
• meminta / memperoleh nasihat / buah fikiran / idea / pendapat	2
• mendapatkan nasihat/ buah fikiran/ idea/ pendapat	1
• meminta / memperoleh pandangan	1
• memberikan nasihat / buah fikiran / idea / pendapat	0
	[Maksimum : 2 markah]
(ii) Kaedah-kaedah [Isi cukup : 2 isi]	
• menggunakan ubat-ubat tertentu	
• berjumpa dengan doktor	
• berbincang dengan pakar psikologi	
• rawatan psikoterapi	
	[Maksimum : 3 markah]
(iii) Usaha-usaha	
• sentiasa menemaninya supaya dia tidak kesunyian	1+1
• membawanya bersiar-siar supaya dapat menenangkan emosinya	1+1
• berkongsi masalah yang dihadapinya supaya jiwanya lebih tenteram/mendengar luahan perasaannya supaya dapat meredakan kesedihannya	1+1
• memberikan motivasi/ membawanya menghadiri majlis ilmu/ keagamaan supaya tabah menghadapi kehidupan.	1+1
(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)	
	[Maksimum : 4 markah]

SULIT

6

1103/2

Soalan 2 (b) : Petikan cerpen

(i) Kesan yang dialami:

- semangat Pak Husain sudah hilang 1
- menjadi takut-takut 1
- selalu meracau 1
- menyebut apa-apa sahaja yang dilihatnya sebagai tentera Jepun 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Usaha-usaha yang dilakukan: (isi cukup : 2)

- P1 - memberi pencegahan / elauan bulanan / insentif 1
- P2 - memberi gelaran / pingat kebesaran 1
- P3 - memberi anugerah / ganjaran / hadiah / rumah / tanah / mengerjakan haji / umrah / melancong 1
- P4 - memberi kemudahan rawatan percuma di hospital kerajaan 1
- P5 - bantuan rumah mesra rakyat / bantuan rumah mampu milik / Bantuan Rumah 1 Malaysia (BR1M) 1
- P6 - bantuan pendidikan / biasiswa kepada anak-anak pejuang kemerdekaan 1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Satu nilai murni dalam petikan:

- P1- bertanggungjawab; contohnya Pak Husain bertanggungjawab menyelamatkan penduduk kampung daripada serangan tentera Jepun apabila mengarahkan mereka segera berpindah (1 + 1)
- P2- keberanian; contohnya Pak Husain telah menipu tentera Jepun untuk menyelamatkan penduduk kampung. (1 + 1)
- P3- kasih sayang; contohnya Mak Bidah memandikan dan mencuci darah yang terdapat pada badan Pak Husain. (1 + 1)
- P4- prihatin / keprihatinan; contohnya ayah aku tidak tidur-tidur kerana menjaga Pak Husain. (1 + 1)

[Maksimum : 2 markah]

Satu nilai murni dalam keseluruhan cerpen

- K1- cinta akan negara; contohnya Pak Husain sanggup menggunakan tongkat kayu untuk menghadiri temasya sambutan Hari Kemerdekaan Negara. (1 + 1)
- K2 - ketabahan; contohnya Khalid dan penduduk Kampung Pulau Pak Amat tabah menghadapi saat-saat kesulitan dan keperitan sewaktu zaman perang. (1 + 1)
- K3 - pengorbanan; contohnya Pak Husain sanggup mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan penduduk kampung daripada menjadi mangsa serangan askar Jepun. (1 + 1)
- K4 - kerjasama; contohnya orang-orang kampung bekerjasama untuk sama-sama menyelamatkan diri daripada serangan askar Jepun. (1 + 1)

[Maksimum : 2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

7

1103/2

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

(i) **Maksud menunjal muka:**

- Menunjuk dan menyentuh jari ke muka
- menyentuh muka

2

1

(ii) **Tindakan-tindakan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa (isi cukup – 2)**

P1 -memarahi Si Kembang Cina kerana mengikut arahan jurumudi.

P2 -menyuruh Si Kembang Cina menyediakan hidangan yang istimewa untuk Awang Sulung di dalam talam beralaskan kain kuning.

P3 -menyuruh Si Kembang Cina mengambil buyung suasa yang berisi air masin

P4 - merasa air tersebut yang menjadi manis seperti serbat

P5 - menyuruh Si Kembang Cina merasanya juga.

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Sebab-sebab seseorang raja perlu mempunyai kesaktian (isi cukup – 2)**

P1- menggentarkan / menggerunkan musuh

P2- memudahkan baginda meluaskan tanah jajahan / empayarnya

P3- negara musuh tidak berani menyerang / menakluki negaranya

P4- negeri jajahan takluk tidak berani memberontak / menentang

P5- rakyat jelata akan menumpahkan taat setia kepada rajanya.

[Maksimum : 3 markah]

SULIT

8

1103/2

Soalan 2 (d) – Petikan Puisi Tradisional

(i) Maksud rangkai kata *akhirnya tuan menang berjaya*

- kesudahannya memperoleh kejayaan / mendapat apa-apa yang diinginkan
- memperoleh kejayaan

2

1

(ii) Langkah-langkah mengekalkan kebudayaan masyarakat kita (2 isi cukup / Jawapan yang sesuai diterima)

P1 - saya mengamalkan / mempraktikkan budaya / adat resam / perayaan / pakaian / makanan

P2 - saya mempertahankan budaya bangsa

P3 - saya bangga akan budaya sendiri

P4 - saya memperkenalkan / mempromosikan / memberitahu / menguar-uarkan budaya sendiri kepada pihak lain

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Dua persoalan,

P1- Sabar menghadapi godaan, contohnya orang yang sentiasa sabar dalam setiap perkara / akan terhindar daripada hasutan iblis / sabar akhirnya memperoleh kejayaan. (1 + 1)

P2- Bertanggungjawab mempertahankan budaya dan bahasa, contohnya rakyat di negara ini yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat bertanggungjawab mempertahankan budaya Timur / bahasa Melayu / adat resam daripada pengaruh negatif. (1 + 1)

P3- Persoalan kelebihan/keistimewaan manusia, contohnya manusia berasal daripada keturunan mulia / menjadi khalifah Allah di muka bumi. (1 + 1)

[Maksimum : 4 markah]

SOALAN 3

Markah penuh **30 markah** dibahagikan kepada:

Soalan 3 (a) : **6 markah**

Soalan 3 (b) : **6 markah**

Soalan 3 (c) : **6 markah**

Soalan 3 (d) : **6 markah**

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3 (a)

- | | |
|------------------|---|
| (i) dedikasi | - pengabdian diri, masa dll sepenuhnya kepada sesuatu tujuan tertentu(kerjaya dll). |
| | - inskripsi atau pengumuman yang ditambah pada awal buku, gubahan muzik dll yang ditujukan kepada seseorang atau sesuatu. |
| (ii) delegasi | - rombongan yang mewakili sesebuah negara dalam perundingan(persidangan),perwakilan. |
| | - tindakan mengamanahkan atau menurunkan (kuasa,tugas,tanggungjawab) kepada seseorang. |
| | - pemindahan wang atau hutang kepada orang lain. |
| (iii) demokrasi | - pemerintahan oleh rakyat atau wakil yang dipilih dalam pilihan raya |
| | - unit politik atau sosial yang pada dasarnya dikuasai oleh semua anggotanya. |
| | - keadaan sosial tanpa perbezaan keistimewaan kelas. |
| (iv) demonstrasi | - penerangan,peragaan,dll tentang cara kerja sesuatu mesin, keluaran dll. |
| | - tunjuk perasaan dengan cara berkumpul beramai-ramai,berarak,dll. |
| (v) deklamasi | - pembacaan sajak dan sebagainya dengan lagu dan gaya. |
| (vi) definisi | - kenyataan ringkas dan padat bagi menjelaskan konsep atau makna sesuatu kata,frasa,dll,takrif. |

[Maksimum : **6 markah**]

Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

10

1103/2

Jawapan 3 (b)

- (i) Ayat pernyata
- (ii) Ayat tanya
- (iii) Ayat pernyata
- (iv) Ayat larangan
- (v) Ayat suruhan
- (vi) Ayat seruan

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (c)

- | | | | |
|-------|---------------|---|---------------|
| (i) | tempuhnya | - | tempohnya |
| | terlanda | - | melanda |
| (ii) | dibuktikan | - | membuktikan |
| | organisasi | - | organisasi |
| (iii) | menggembeleng | - | menggembeleng |
| | kebersihan | - | membersihkan |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d)

- | | | | |
|-------|------------------------|---|--|
| (i) | memperindahkan | - | memperindah |
| | insentif | - | inisiatif |
| (ii) | pemecatan | - | pelucutan |
| | di kalangan | - | dalam kalangan |
| (iii) | persidangan | - | mesyuarat / taklimat |
| | setiap sekolah-sekolah | - | setiap sekolah / sekolah-sekolah / sekolah |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (e) Peribahasa

- (i) Ringan tulang / Cepat kaki ringan tangan
- (ii) Bagai pinang dibelah dua / Seperti cincin dengan permata.
- (iii) Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali / Baik buat teladan, buruk buat sempadan

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

(a)

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk setiap nilai kemanusiaan lengkap/jelas.
- (iv) Berikan 1 markah untuk setiapuraian / contoh yang jelas.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

(b)

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk satu pernyataan tindakan watak yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan 2 markah untuk alasan tindakan yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

4(a) Nilai Murni / Kemanusiaan

Novel Renyah :

1. Kegigihan

... Amera seorang yang gigih menjalankan tanggungjawabnya sebagai guru sehingga dia terpilih sebagai Tokoh Guru Cemerlang Negeri.

... Datuk Dolhi, Wahi dan Albert Lee gigih bekerja dan menyusun strategi sehingga Dolhi-Albert Holding mampu membina empayar perniagaan hingga ke luar negara. Mereka sentiasa berusaha untuk memajukan perniagaan dan merebut peluang yang ada.

... Wahi gigih memajukan diri mengikuti kursus di luar negeri sehingga dia diberi kepercayaan menerajui perniagaan Dolhi – Albert Holding bagi menggantikan Datuk Dolhi.

2. Kerajinan

... Datuk Dolhi rajin melawat tapak projek, pergi ke luar negara untuk mencari peluang perniagaan dan mencari rakan niaga.

... Datuk Dolhi rajin membaca untuk menambahkan ilmu pengetahuan bagi memantapkan ceramahnya dan membuat rujukan. Antara buku yang dibaca olehnya ialah *Vision in Action: Putting a Winning Strategy to Work* dan *Powershift*.

... Datuk Dolhi rajin menghadiri bengkel *public speaking* bagi memantapkan penyampaian ucapannya.

3. Kesabaran

... Datuk Dolhi sabar dengan kerentan dan masalah yang ditimbulkan anak-anaknya.

... Wahi sabar menunggu pengakuan Datuk Dolhi berhubung status dirinya. Dia tidak menanya Datuk Dolhi hal tersebut sehinggalah rahsia itu diberitahu oleh Datuk Dolhi sendiri.

... Mastura tetap sabar menjadi isteri kedua Datuk Dolhi walaupun dituduh sebagai perempuan simpanan.

4. Tanggungjawab/Bertanggungjawab

... Datuk Dolhi bertanggungjawab terhadap anak-anaknya dengan memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anaknya termasuk Wahi yang dijaga oleh neneknya.

... Datuk Dolhi bertanggungjawab terhadap negara dengan mengamalkan Dasar Pandang Ke Timur, menggunakan barang buatan tempatan dan memberi ceramah dan motivasi kepada usahawan muda.

5. Kasih sayang

... Datuk Dolhi menyayangi isteri-isterinya, iaitu isteri pertama, Datin Tominah dan isteri kedua, Mastura yang telah meninggal dunia.

... Datuk Dolhi dan Datin Tominah sayangkan anak-anak mereka. Mereka berusaha menyelamatkan anak-anak mereka yang menghadapi masalah dengan pelbagai cara. Sebagai contohnya, mereka menjamin Hasnol dan Dani serta menghantar Mukhlis ke pusat rawatan mental.

6. Ketabahan

... Datuk Dolhi tetap tabah menghadapi pelbagai kerentan anak-anaknya yang menjatuhkan maruah keluarga dan perniagaannya.

... Datuk Dolhi tabah menghadapi kehilangan isteri tercinta, Mastura yang meninggal dunia ketika melahirkan Wahi.

... Wahi tabah menjalani khidupan tanpa ibu sejak kecil dan tinggal dengan neneknya.

7. Keberanian

- ... Datuk Dolhi berani membuat keputusan melantik Wahi sebagai penggantinya dalam Dolhi-Albert Holding meskipun tidak disenangi oleh Albert Lee.
- ... Amera berani menegur Ilham yang tidak mahu bekerja dan hanya mundar-mandir.
- ... Wahi berani berjumpa ayah Yuka untuk melamar Yuka menjadi isterinya.

8. Simpati

- ... Datin Salmah dan rakan-rakan dari kelab datin-datin bersimpati kepada Datin Tominah yang berasa tertipu setelah mengetahui Datuk Dolhi berkahwin dengan Mastura.
- ... Ustaz Hashim bersimpati kepada Mukhlis dan Datuk Dolhi apabila melihat kehidupan Mukhlis begitu daif di Perkampungan Sungai Bakau.

9. Kerjasama

- ... Datuk Dolhi bekerjasama dengan Albert Lee dalam perniagaan dengan menu buhkan syarikat Dolhi-Albert Holding.
- ... Datin Tominah bekerjasama dengan datin lain dalam usaha menu buhkan kelab datin-datin.

10. Kesyukuran

- ... Wahi bersyukur dengan bantuan Datuk Dolhi selama ini.
- ... Hanisah bersyukur dengan rezeki yang diperoleh Mukhlis yang bekerja di kilang mi milik jemaahnya
- ... Amera bersyukur dianugerahkan tokoh pendidik cemerlang negeri.

(Terima mana-mana nilai lain yang sesuai)

Novel Sutera Dalam Lukisan :

1. Kasih sayang

- ... Ibu dan nenek Bujei sayang akan Bujei sehingga kan kasih sayang tersebut menjadikan Bujei kembali segar dengan semangat dan harapan setelah kehilangan ayahnya dalam satu kemalangan jalan raya.
- ... Bujei dan Adila saling menyayangi.

2. Kesabaran / Ketabahan

- ... Bujei sabar / tabah dengan ejekan dan penghinaan orang kampung terhadapnya. terutama daripada Alias
- ... Adila sabar / tabah menghadapi fitnah yang mengatakan dia melakukan perkara sumbang dengan Bujei.

3. Hormat-menghormati

- ... Adila amat menghormati keluarga Sidang Saman sepanjang tinggal bersama dengan keluarga bapa saudaranya itu.
- ... Sepanjang perkenalan dengan Bujei, Adila melayan Bujei dengan penuh sopan. Adila memanggil Bujei dengan panggilan nama sebenarnya, Hafiz.

4. Keikhlasan

- ... Adila ikhlas berkawan dan menolong Bujei menjadi manusia yang normal.
- ... Bujei ikhlas menolong mengemas peralatan perkahwinan di rumah Sidang Saman.

5. Cinta akan negara

- ... Bujei bercita-cita menjadi tentera seperti arwah ayahnya.
- ... Bujei menyanyikan lagu Bahtera Merdeka, lagu yang bertemakan cinta akan tanah air.

{Lihat halaman sebelah
SULIT

6. Keberanian

- ... Bujei berani tampil ke pentas untuk menyampaikan lagu yang diminta oleh seorang peminat rahsia dan membuktikan dia seorang yang normal.
- ... Bujei berani menentang Alias yang selama ini sering menindasnya dan dianggap cukup berkuasa.
- ... Bujei berani mempertahankan haknya dengan meminta Alias menggantikan radio yang telah dirosakkannya.

7. Tolong-menolong

- ... Orang kampung menolong dan bekerjasama dengan Sidang Saman menjayakan majlis perkahwinan Same'ah.
- ... Bujei sering menolong orang kampung ketika kenduri-kendara.

8. Tanggungjawab/Bertanggungjawab

- ... Bujei berusaha menyelamatkan ibunya dalam kebakaran rumah mereka.
- ... Wak Senen berusaha mengembalikan tanah pusaka milik Bujei yang dibeli daripada Harun kerana berdasarkan undang-undang Wak Senen tidak berhak ke atas tanah tersebut.
- ... Mak Lamah bertanggungjawab memastikan Sidang Saman bersikap adil terhadap Bujei dan tidak membelakangkan hukum syarak dalam mengendalikan harta anak yatim.

9. Ketegasan

- ... Bujei tegas menuntut wang seringgit daripada Alias sebagai upah mencuci motosikal seperti yang dijanji oleh Alias dan
- ... Adila tetap tidak akan kembali kepada Faizal, bekas kekasihnya itu walaupun tubuhnya dibelah tujuh.
- ... Bujei tegas mempertahankan haknya dengan meminta Alias memberikan ganti rugi kerosakan radio baharunya.
- ... Sidang Saman dengan tegas memaksa Alias pulang dengan berjalan kaki untuk mengambil wang baki sebanyak tiga puluh ringgit sebagai ganti rugi kerosakan radio Bujei.

10. Murah hati

- ... Wak Senen sering memberi wang kepada Bujei dan menganggap pemberian tersebut sebagai satu sedekah jariah.
- ... Adila menderma darahnya kepada Sahak yang cedera dalam kemalangan motosikal.
- ... Mak Som dan Mak Lamah menyediakan makanan kepada Bujei.

11. Mengenang budi

- ... Bujei mengucapkan terima kasih kepada Adila yang telah membantu mengubah dirinya.
- ... Sidang Saman menghadiahkan persembahan pancaragam kepada orang kampung sebagai mengenang jasa mereka setelah menyempurnakan majlis perkahwinan Same'ah.

12 Berdikari

- ... Bujei berdikari selepas kematian neneknya. Bujei sering menolong orang kampung membersih cawan susu getah dan memungut getah sekirap untuk mendapatkan upah bagi menyara hidupnya.
- ... Bujei juga menanam sayur di halaman rumahnya setelah mendapat semangat dan dorongan daripada Adila.

(Terima mana-mana nilai lain yang sesuai)

b. Tindakan watak utama yang tidak dipersetujui

Renyah :

Watak Utama – Datuk Dolhi

Tindakan yang tidak dipersetujui

1. Datuk Dolhi menyimpan rahsia yang Wahi ialah anak lelakinya dengan Mastura selama 27 tahun.

Alasan – Datuk Dolhi tidak seharusnya menyimpan rahsia tersebut terlalu lama sehingga Wahi terpaksa tinggal bersama-sama neneknya. Wahi tidak mendapat kasih sayang daripada seorang ayah dan haknya sebagai seorang anak dinafikan.

2. Datuk Dolhi menyimpan rahsia perkahwinannya dengan Mastura daripada pengetahuan Datin Tominah

Alasan – Datuk Dolhi sepatutnya memberitahu dan berbincang dengan Datin Tominah pada peringkat awal lagi supaya Mastura tidak rasa bersalah dan Datin Tominah bersedia menerima Mastura sebagai madunya.

3. Datuk Dolhi menyerahkan Wahi, anak lelakinya dengan Mastura untuk dipelihara oleh nenek Wahi.

Alasan – Datuk Dolhi tidak sepatutnya membebangkan masalahnya kepada nenek Wahi. Sebagai bapa, Datuk Dolhi perlu memelihara Wahi sendiri dengan penuh kasih sayang.

4. Datuk Dolhi tidak menunaikan cadangan arwah isteri keduanya, Mastura supaya Datuk Dolhi berterus terang tentang perkahwinan mereka kepada Datin Tominah.

Alasan – Datuk Dolhi seharusnya memberitahu Datin Tominah tentang perkahwinan keduanya supaya Mastura dapat hidup bermadu dengan bahagia dan Datin Tominah tidak rasa tertipu dengan tindakan Datuk Dolhi.

Sutera dalam Lukisan:

Watak Utama – Bujei (Muhamad Hafiz)

Tindakan yang tidak dipersetujui

1. Bujei tidak dapat menerima kematian ayah, ibu dan neneknya sehingga dia hilang semangat untuk meneruskan kehidupan

Alasan – Bujei seharusnya reda dengan kehilangan orang tersayang dan menerimanya sebagai satu ketentuan Tuhan. Bujei perlu bangkit daripada kekecewaan tersebut.

2. Bujei tidak cuba menjelaskan fitnah bapa tirinya, Harun yang mengatakan Bujei menyebabkan rumah mereka terbakar sehingga ibunya terkorban.

Alasan – Bujei sepatutnya cuba mejelaskan pembohongan bapa tirinya itu supaya dia tidak dianggap sebagai anak derhaka dan dipandang serong oleh masyarakat kampungnya.

**BAHAN KECEMERLANGAN
SPM 2015**

BK 1

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

Nama:.....

Kelas:.....

**DIBIAYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri sekolah yang selamat kepada warga sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

CIRI-CIRI SEKOLAH SELAMAT



Alat Kawalan Kebakaran

Kawalan Keselamatan

Peraturan-Peraturan Keselamatan

- Peraturan Keselamatan di Pusat Sumber
- Peraturan di Makmal Sains dan Bengkel
- Peraturan Keselamatan di Padang dan Gelanggang Permainan

Bahagian B

[100 markah]

[*Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit*]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Baru-baru ini anda telah menyertai satu misi bantuan bencana banjir sebagai sukarelawan di sebuah negeri yang dilanda banjir. Apabila selesai misi tersebut anda diminta menyediakan laporan mengenai kejadian dan aktiviti yang dilakukan untuk membantu mangsa banjir.

Tulis laporan anda selengkapnya.

2. Kos sara hidup memerlukan pengurusan kewangan yang bijak daripada setiap ahli keluarga.

Jelaskan pernyataan tersebut.

3. Gagasan 1Malaysia antara lainnya bertujuan untuk mengeratkan perpaduan kaum ke arah melahirkan negara yang aman, stabil, makmur dan dihormati oleh negara-negara lain.

Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mewujud dan mengekalkan perpaduan di negara ini.

4. Kerjasama dan perkongsian Malaysia dengan negara-negara serantau seperti ASEAN memberikan pelbagai manfaat kepada negara yang terlibat.

Jelaskan manfaat-manfaat tersebut.

5. Peribahasa “Genggam bara api biar sampai jadi arang” membawa maksud jika melakukan sesuatu kerja yang sukar hendaklah bersabar sehingga berjaya.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

**BAHAN KECEMERLANGAN
SPM 2015**

**Skema
BK 1**

BAHASA MELAYU

DIBIAYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 2 [1103/2]**

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
 - (b) Bahasa - 10 markah
- (a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira, sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran.

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah	
(i) Pendahuluan											2	
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16		
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4			
(iv) Penutup/Kesimpulan											2	
	Jumlah Markah										20	

GARIS PANDUAN KEPADA PEMERIKSA

BK 1 (TOV)
SPM, 2015
BAHASA MELAYU

BAHAGIAN A

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri sekolah yang selamat kepada warga sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Diharapkan : calon dapat menghuraikan isi/idea tentang ciri-ciri sekolah yang selamat kepada warga sekolah.

Cadangan idea:

- Alat kawalan kebakaran
- Kawalan keselamatan
- Peraturan – peraturan keselamatan

BAHAGIAN B

Soalan 1

1. Baru-baru ini anda telah menyertai satu misi bantuan bencana banjir sebagai sukarelawan di sebuah negeri yang dilanda banjir. Apabila selesai misi tersebut anda diminta menyediakan laporan mengenai kejadian dan aktiviti yang dilakukan untuk membantu mangsa banjir.

Tulis laporan anda selengkapnya.

Format : Laporan

- | | |
|-----------|------------|
| - Tajuk | - 1 markah |
| - Pelapor | - 1 markah |

Jika tiada format : tolak 2 markah maksimum

KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN B			
PERINGKAT	BAHASA	IDEA	PENGOLAHAN
CEMERLANG 80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis Ejaan dan Tanda Baca betul Laras Bahasa sesuai dgn tugas Penggunaan Kosa Kata luas dan tepat Penggunaan unsur bahasa bervariasi Gaya Bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan 	Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai
KEPUJIAN 66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Ejaan dan Tanda Baca betul Laras Bahasa sesuai dengan tugas Penggunaan Kosa Kata luas dan tepat Penggunaan unsur bahasa bervariasi Gaya Bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa Wacana lengkap & terdapat kesinambungan idea yg jelas antara perenggan 	Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai
BAIK 51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Ejaan dan Tanda Baca masih betul Penggunaan kosa kata umum Laras Bahasa sesuai mengikut tugas Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi Gaya Bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan Wacana masih lengkap 	Idea masih relevan mengikut tugas, <i>huraian isi masih</i> jelas dan contoh masih sesuai	Pengolahan masih menarik dan pemerenggan masih sesuai
MEMUASKAN 36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata terhad Ayat kurang gramatis Ejaan dan Tanda Baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum Penggunaan kosa kata umum dan terhad Laras Bahasa kurang sesuai Wacana masih / kurang lengkap Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi Gaya Bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan Wacana masih / kurang lengkap 	Idea masih relevan mengikut tugas, <i>huraian isi kurang</i> jelas dan contoh kurang sesuai	Pengolahan kurang menarik
KURANG MEMUASKAN 21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan kata kurang tepat Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara Unsur bahasa tidak bervariasi Gaya Bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang 	Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik
PENCAPAIAN MINIMUM 01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai 	Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik

Diharapkan : Calon dapat menulis laporan mengenai kejadian dan aktiviti yang dilakukan untuk membantu mangsa banjir.

Cadangan Idea :

- Gambaran di tempat kejadian – Semasa kejadian
- Bentuk bantuan – Aktiviti yang dilakukan
- Situasi yang berlaku – Di pusat pemindahan
- Agensi-agensi yang turut serta membantu
- Kesan–kesan peristiwa tersebut.

(Terima mana-mana isi yang sesuai)

2. Kos sara hidup memerlukan pengurusan kewangan yang bijak daripada setiap ahli keluarga.

Jelaskan pernyataan tersebut.

Diharapkan : Calon dapat menulis peranan setiap ahli keluarga dalam mengurus kewangan yang bijak.

Cadangan idea:

- Peranan ibu bapa – menabung, berhemah berbelanja, suri teladan
- Peranan anak – anak – amalan berjimat cermat, membeli mengikut keperluan.
- Peranan saudara terdekat seperti datuk. nenek. – suri teladan.

3. Gagasan 1 Malaysia antara lainnya bertujuan untuk mengeratkan perpaduan kaum ke arah melahirkan negara yang aman, stabil, makmur dan dihormati oleh negara-negara lain.

Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mewujud dan mengekalkan perpaduan di negara ini.

Diharapkan : Calon dapat menghuraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mewujud dan mengekalkan perpaduan di negara ini.

Cadangan idea:

- peranan individu-mematuhi peraturan dan undang-undang
 - peranan masyarakat-bertoleransi
 - melalui sistem pendidikan-bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
 - penerapan semasa p dan p
 - kegiatan kurikulum
 - peranan media massa-kempen
 - peranan kerajaan-melalui agensi-agensi tertentu
 - peranan NGO
4. Kerjasama dan perkongsian Malaysia dengan negara-negara serantau seperti ASEAN memberikan pelbagai manfaat kepada negara yang terlibat.

Jelaskan manfaat-manfaat tersebut.

Diharapkan : Calon dapat membincangkan pelbagai manfaat kerjasama dan perkongsian negara – negara serantau seerti ASEAN.

Cadangan idea:

- kerjasama/perkongsian maklumat
 - kerjasama / perkongsian kepakaran
 - kerjasama / perkongsian ekonomi
 - kerjasama / perkongsian mengawal keselamatan sempadan negara
 - kerjasama / perkongsian penguatkuasaan undang-undang antarabangsa
 - kerjasama / perkongsian sosio budaya
5. Peribahasa “Genggam bara api biar sampai jadi arang” membawa maksud jika melakukan sesuatu kerja yang sukar hendaklah bersabar sehingga berjaya.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

Diharapkan : Calon dapat menulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa “Genggam bara api biar sampai jadi arang.”

Format : Cerpen

- | | |
|------------|------------|
| -Tajuk | - 1 markah |
| -Pengarang | - 1 markah |

Jika tiada format : tolak 2 markah maksimum

Cadangan idea:

-bersesuaian dengan maksud peribahasa